Semakin ramai penagih mengambil dadah NPS yang tak dapat dikesan ujian air kencing

Pil kuda, eramin 5 bakal pupus

Oleh MALINDA ABDUL MALIK

KUALA LUMPUR – Dalam tempoh beberapa tahun akan datang, dadah sintetik dan tradisional lain di Malaysia dijangka pupus apabila pengedar dan penagih beralih trend untuk mengambil bahan psikoaktif baharu iaitu New Psychoactive Substances (NPS).

Trend tersebut mula dikesan di bandar-bandar besar di Lembah Klang apabila banyak serbuan dan pemeriksaan polis terutama di pusat-pusat hiburan menemui dadah NPS disalahgunakan oleh para penagih.

NPS menjadi tarikan baharu bukan sahaja kerana harganya yang lebih murah berbanding dadah-dadah sintetik sedia ada tetapi yang lebih penting mereka yang mengambil dadah itu boleh melepasi ujian air kencing.

Atas faktor harga dan pengambilannya gagal dikesan, dijangkakan dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang, dadah NPS bakal menguasai penagih dan pengedar di Malaysia.

Satu sumber memberitahu, NPS yang merupakan dadah sintetik inovasi baharu ciptaan manusia adalah bagi memenuhi permintaan dalam kalangan penagih dadah di seluruh dunia yang dilanda bencana ketagihan.

PAKAR kimia jahat sedang berlumba-lumba menghasilkan dadah NPS yang menjadi kegilaan dalam kalangan penagih di Malaysia. – Gambar hiasan

PELANGGAN pusat hiburan di Lembah Klang dikatakan menggilai dadah NPS yang bukan sahaja lebih murah tetapi memberi kesan yang membinasakan. – Gambar hiasan

KOSMO 06/12/2017 M152

Kata sumber itu, dadah NPS dikatakan berasal dari sebuah negara di Asia Timur tetapi tidak lama selepas itu, ramuan NPS berjaya ditiru oleh pakar-pakar pembuat dadah lain.

"Di Malaysia dadah NPS mula dikesan memasuki pasaran Malaysia pada tahun 2016 dan pengambilannya yang membolehkan seseorang itu kelihatan seperti mayat hidup mula digilai oleh penagih negara ini," kata sumber itu ketika dihubungi semalam.

Sumber itu memberitahu, buat masa ini, pengambilan dadah NPS banyak dalam kalangan pengunjung-pengunjung kelab hiburan namun secara pantas ia sedang menular kepada penagih-penagih di luar bandar terutama di Johor dan Pulau Pinang.

"Permintaan dadah NPS meningkat secara mendadak kerana ia bukan sahaja memberi kesan khayal sama tetapi lebih istimewa bahan-bahan yang digunakan untuk menghasilkan NPS membabitkan bahan-bahan kimia yang tidak menyalahi undang-undang," jelas beliau.

Jelasnya, kehadiran dadah NPS kini mula mengancam dadah-dadah sintetik lain yang popular sebelum ini seperti pil kuda, syabu, eramin 5 dan juga heroin.

Malaysia kini diancam dadah psikoaktif

Penagih terlibat pengambilan dadah sintetik terbaharu bakal jadi zombi

KERATAN *Kosmo!* semalam.